



SIARAN MEDIA

LEBIH 2,000 ORANG WAKIL PENDUDUK TERMASUK BADAN PROFESIONAL MENYOKONG KERAJAAN SUPAYA SEGERAKAN AKTA PEMBAHARUAN SEMULA BANDAR DEMI KESELAMATAN AWAM DAN PEMBANGUNAN BANDAR YANG MAMPAN

AMPANG JAYA, 30 November 2025 – Lebih 2,000 wakil penduduk termasuk badan profesional hari ini menyokong kerajaan dan minta mempercepatkan kelulusan Akta Pembaharuan Semula Bandar demi keselamatan awam dan pembangunan bandar yang mampan.

Semasa sesi Dialog Perdana Pembaharuan Semula Bandar anjuran Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia), hari ini telah sebulat suara meminta semua pihak untuk mendengar suara rintihan rakyat yang terkesan dengan rumah lama yang daif dan usang.

Himpunan Dialog Perdana juga menggesa semua pihak menghormati kehendak penduduk yang terdesak dan **jangan jadikan Akta yang bersifat suci dan murni sebagai isu untuk dipolitikkan.**

Dalam sesi dialog tersebut, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Nga Kor Ming setelah mendengar perbahasan penduduk dalam ucapannya telah mengulangi, pembaharuan semula bandar merupakan satu tanggungjawab moral kerajaan dan keperluan yang mendesak oleh pihak berkepentingan dan penduduk terlibat adalah penting dalam menjamin keselamatan dan kesejahteraan khususnya penduduk bandar yang terkesan.

“Ramai di antara kita menduduki flat atau rumah yang dibina puluhan tahun dahulu, dengan struktur dan bahan binaan yang tidak lagi memenuhi piawaian keselamatan masa kini.”

“Kita tidak harus tunggu tragedi besar untuk sedar betapa gentingnya situasi yang ada.”

“Pembaharuan semula bandar bukan hanya estetika atau pembangunan, tetapi satu tanggungjawab moral untuk menyelamatkan nyawa dan menjamin keselamatan asas bagi rakyat,” katanya.

Dialog Perdana ini yang merupakan sesi libat urus terbesar dilaksanakan oleh PlanMalaysia, telah dihadiri oleh 2,000 orang peserta merangkumi ahli profesional, akademik, persatuan wakil penduduk, NGO, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta komuniti setempat untuk mendapat pandangan dan cadangan daripada semua pihak berkepentingan.

Setakat ini, sebanyak 128 sesi libat urus telah berjaya dilaksanakan oleh KPKT melalui PlanMalaysia melibatkan lebih 6,500 individu, dan hasilnya digunakan sebagai asas perancangan bagi memastikan RUU ini benar-benar mencerminkan aspirasi dan keperluan rakyat.

Pengubalan RUU PSB merupakan satu **langkah reformasi perundangan** yang penting dalam **memperkuh tadbir urus bandar** dan menjadi asas utama untuk menghadapi cabaran pembangunan dan perbandaran masa hadapan supaya pembangunan yang mampan dapat dicapai.

Akta baru ini memberi tumpuan untuk menjamin hak pemilik asal, mengatasi isu-isu yang menjejaskan kualiti hidup masyarakat bandar, khususnya di kawasan usang, seperti jurang pendapatan, bebanan kewangan, keharmonian keluarga, keselamatan awam dan imej bandar.

“Kita perlu memperbaiki struktur lama dengan piawaian keselamatan moden, membolehkan sistem penggera kebakaran, sistem keselamatan, pendawaian serta struktur kukuh dipasang sejak awal. Bak kata pepatah ‘mencegah lebih baik daripada merawat’.”

“Kita bukan sahaja mempertingkatkan kualiti hidup, malah melindungi nyawa, memastikan generasi akan datang tidak dibesarkan dalam persekitaran yang merbahaya,” ujar beliau.

Di samping itu, selaras dengan prinsip Kerajaan MADANI yang sentiasa terbuka, sedia mendengar dan menyantuni suara rakyat, Nga turut menyatakan bahawa 13 cadangan yang dikemukakan oleh UMNO melalui Memorandum RUU PSB bertarikh 9 Oktober 2025 telah pun diambil kira dan ini jelas membuktikan kerajaan MADANI sedia mendengar dan menerima mana-mana pandangan yang konstruktif.

Menjelang 2027, negara kita bakal menyambut ulang tahun kemerdekaan ke-70 dan Akta Pembaharuan Semula Bandar adalah penting untuk memastikan rakyat memiliki kediaman yang selamat, selesa dan berdaya huni.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertwi
#UnityInDiversity
#RencanakanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi Kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

